

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Beguk



Apakah itu Beguk?

Beguk ialah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus beguk.

Ia biasanya bermula dengan gejala berikut:



Demam



Sakit kepala



Sakit otot



Letih lesu



Hilang selera makan




Bengkak pada kelenjar air liur

Apakah gejala-gejala seterusnya?

Individu yang menghidap beguk biasanya mula berasa tidak sihat dengan gejala tidak khusus seperti sakit kepala, hilang selera makan, dan demam ringan.



Kelenjar parotid yang sihat dan normal



Parotitis: kelenjar parotid yang bengkak

Tanda beguk yang paling dikenali ialah "parotitis", iaitu bengkak pada kelenjar air liur yang terletak di bawah telinga.

Biasanya, gejala mula muncul 16 hingga 18 hari selepas jangkitan, tetapi boleh juga berlaku dalam lingkungan 12 hingga 25 hari selepas jangkitan.

Bagaimana ia merabak?



Ia merebak melalui titisan air liur atau lendir dari mulut, hidung, atau tekak orang yang dijangkiti. Biasanya ketika orang itu batuk, bersin, bercakap atau berkongsi barang yang telah digunakan (contohnya: minuman atau peralatan makan) dengan individu yang tidak dijangkiti.

Bolehkah anda mendapat Beguk lebih dari sekali?



Orang yang pernah dijangkiti beguk biasanya dilindungi seumur hidup terhadap jangkitan semula. Namun begitu, jangkitan kali kedua boleh berlaku, tetapi sangat jarang.

Bagaimana untuk mencegah Beguk?



Semua kanak-kanak dan orang dewasa digalakkan untuk mendapatkan suntikan vaksin beguk jika mereka belum pernah divaksinasi terhadap penyakit ini.

Vaksin ini diberikan dalam bentuk gabungan yang melindungi daripada campak-beguk-rubela (MMR) sejak tahun 1971. Vaksin ini sangat berkesan.

Dos pertama vaksin MMR memberikan imuniti terhadap campak (95-98%), beguk (97%) dan rubela (95%). Dos kedua MMR diberikan dengan bertujuan untuk menghasilkan imuniti pada mereka yang tidak memberikan tindak balas mencukupi terhadap dos pertama.

Apa yang perlu dilakukan jika seseorang terdedah kepada Beguk?



Jika dia belum divaksinasi terhadap beguk, terdedah pemberian tidak vaksin membantu mencegah jangkitan sekiranya dia sudah dijangkiti.

Namun begitu, jika dia tidak dijangkiti selepas pendedahan tersebut, vaksin mungkin membantu melindunginya daripada jangkitan pada masa akan datang.

Jika anda mengesyaki diri anda atau ahli keluarga anda dijangkiti beguk, dapatkan rawatan doktor dengan segera. Kita boleh membantu mencegah penularan beguk dengan mengamalkan kebersihan tangan yang baik.



Basuh tangan dengan bersih dan kerap menggunakan sabun dan air, dan ajar kanak-kanak untuk mencuci tangan mereka juga



Jangan berkongsi peralatan makan atau minum dengan individu yang dijangkiti



Bersihkan permukaan yang kerap disentuh (seperti mainan, meja, dan kaunter) secara berkala dengan sabun dan air atau tisu pembersih



Tutup mulut dan hidung anda dengan tisu semasa batuk atau bersin, dan buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah am

Kurangkan hubungan rapat dengan orang lain jika anda tidak berasa sihat.



Copyright © 2025 National Healthcare Group